

**AMALAN PENGAJARAN GURU DALAM KURIKULUM AL-AZHAR
DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI
DI KELANTAN**

MOHAMAD HAZWAN FAIZ MOHAMAD YUSOFF

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
MOD PENYELIDIKAN**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan pengajaran guru dalam kurikulum al-Azhar di Sekolah Menengah Agama Negeri di Kelantan berasaskan Model *Content Language Integrated Learning (CLIL)*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui tinjauan menggunakan dua set borang soal selidik sebagai instrumen. Seramai 320 orang pelajar tingkatan enam dan 33 orang guru yang terlibat dengan Kurikulum al-Azhar dipilih sebagai sampel kajian. Data dianalisis dengan menggunakan *statistik deskriptif, ujian-t dan ANOVA sehalu*. Dapatan kajian mendapati bahawa amalan pengajaran guru berasaskan model CLIL berada pada tahap tinggi. Kajian ini juga menunjukkan perbezaan yang signifikan antara amalan pengajaran guru berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar. Amalan pengajaran yang menggunakan model CLIL memberi kesan positif dalam meningkatkan tahap penguasaan pelajar dari segi kefahaman terhadap kandungan pelajaran dan penguasaan dalam Bahasa Arab.



TEACHING PRACTICE AMONG TEACHERS USING AL-AZHAR CURRICULUM IN SECONDARY STATE RELIGIOUS SCHOOLS IN KELANTAN

ABSTRACT

This study aims to determine the level of Al-Azhar Curriculum teaching practice in Kelantan's secondary state religious schools based on Content Language Integrated Learning (CLIL) model. The study used quantitative design through surveys by using 2 sets of questionnaires as its instrument. A total of 320 form six students and 33 teachers involved in this study. Data were analysed using descriptive statistic, t-test and one way ANOVA. The study has found that the practice of using CLIL model has higher percentage of performance. The study has also shown a significant difference between teaching practices based on gender and teaching experience. The teaching practice using CLIL model has positive impact in improving the students' level of understanding in terms of subject content and proficiency in Arabic language.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Matlamat Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Persoalan Kajian	15
1.7 Hipotesis Kajian	16
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	17
1.9 Kepentingan Kajian	21
1.10 Limitasi Kajian	23
1.11 Definisi Operasi Kajian	24
1.12 Penutup	27

BAB 2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	28
2.2 Kurikulum al- Azhar	29
2.2.1 Latar Belakang Kurikulum al-Azhar	29
2.2.2 Sistem Pendidikan Kurikulum al-Azhar di Yayasan Islam Kelantan	30
2.3 Model Pembelajaran Berasaskan Kandungan Dan Bahasa	33
2.3.1 Content Based Intruction	33
2.3.2 Language Across Curriculum	34
2.3.3 Content Language Integrated Learning (CLIL)	35
2.3.4 Pemilihan Teori Pembelajaran Bahasa Dan Kandungan	38
2.4 Amalan Pengajaran dalam CLIL	39
2.4.1 Sifat aktiviti CLIL dalam konteks di Malaysia	40
2.4.2 Penerapan aras kognitif dalam pengajaran	42
2.4.3 Kemahiran Bahasa	45
2.5 Kajian Lepas	49
2.6 Penutup	61
 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	62
3.2 Reka Bentuk Kajian	62
3.3 Populasi Kajian	63
3.4 Instrumen Kajian	65
3.5 Metode Pengumpulan Data	69

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	69
3.6 Kesahan Instrumen Kajian					
3.7 Kajian Rintis 71					
3.8 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian 72					
3.9 Metode Analisis Data 74					
3.10 Penutup 76					
BAB 4 DAPATAN KAJIAN					
4.1 Pengenalan 77					
4.2 Profil Responden 78					
4.2.1 Profil guru Kurikulum al-Azhar 78					
4.2.2 Profil pelajar Pelajar 80					
4.3 Analisis Deskriptif 81					
4.3.1 Aktiviti Pengajaran 82					
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	
4.3.1.1 Interaktif 82					
4.3.1.2 Berpusatkan pelajar 85					
4.3.1.3 Berpusatkan guru (syarahan pendek) 91					
4.3.1.4 Penilaian 94					
4.3.1.5 Bahan Bantu Mengajar 97					
4.3.1.6 Aktiviti Pengajaran secara keseluruhan 102					
4.3.2 Aktiviti Kognitif 104					
4.3.2.1 Pengetahuan 104					
4.3.2.2 Kefahaman 108					
4.3.2.3 Aplikasi 112					
4.3.2.4 Aktiviti Kognitif secara keseluruhan 116					
4.3.3 Kemahiran Bahasa dalam yang digunakan dalam PdP 118					
4.3.3.1 Kemahiran Mendengar 118					
4.3.3.2 Kemahiran Membaca 121					
4.3.3.3 Kemahiran bertutur 125					
4.3.3.4 Kemahiran Menulis 129					
4.3.3.5 Aktiviti Kemahiran Bahasa secara keseluruhan 133					

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	135
	4.3.4 Amalan Pengajaran secara keseluruhan				
	4.3.5 Tahap Penguasaan Pelajar				137
	4.3.5.1 Penguasaan Kandungan				137
	4.3.5.2 Penguasaan Bahasa				147
	4.4 Analisis Inferensi				156
	4.4.1 Menganalisis Perbezaan amalan berdasarkan demografi				157
	4.4.1.1 Perbezaan skor min amalan pengajaran berdasarkan jantina				157
	4.4.1.2 Perbezaan skor min amalan pengajaran berdasarkan kelulusan akademik tertinggi				158
	4.4.1.3 Perbezaan skor min amalan pengajaran berdasarkan Ikhtisas				159
	4.4.1.4 Perbezaan skor min amalan pengajaran berdasarkan Pengalaman Mengajar				160
	4.4.2 Analisis Hubungan				161
	4.4.2.1 Hubungan Antara amalan pengajaran guru dengan tahap penguasaan pelajar dalam konteks kandungan				161
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	162
	4.4.2.2 Hubungan Antara amalan pengajaran guru dengan tahap penguasaan pelajar dalam konteks Bahasa				
	4.5 Penutup				164

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	165
5.2 Ringkasan Kajian	166
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	167
5.3.1 Analisis Deskriptif	168
5.3.1.1 Aktiviti Pengajaran guru	168
5.3.1.2 Aktiviti Kognitif dalam pengajaran	173
5.3.1.3 Kemahiran Bahasa yang dipraktikkan dalam PdP	176
5.3.1.4 Amalan Pengajaran secara keseluruhan	181

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	5.3.1.5 Penguasaan pelajar dalam konteks kandungan	 182
		5.3.1.6 Penguasaan pelajar dalam konteks bahasa	184
		5.3.2 Analisis Inferensi	188
		5.3.2.1 Analisis Perbezaan	188
		5.3.2.2 Analisis Hubungan	191
		5.4 Kesimpulan dan implikasi kajian	192
		5.5 Cadangan	195
		5.6 Penutup	198
		RUJUKAN	200
		LAMPIRAN	

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Carta aliran sistem pendidikan Yayasan Islam Kelantan	31
2.2	MP kurikulum al-Azhar berdasarkan tingkatan	32
3.1	Pembahagian instrumen kepada responden	67
3.2	Skala likert lima mata	68
3.3	Senarai panel rujukan pakar	70
3.4	Klasifikasi Indeks kebolehpercayaan	73
3.5	Nilai pekali kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i>	74
3.6	Interpretasi min dimensi tingkah laku efektif	75
3.7	Nilai pekali korelasi	76
4.1	Profil guru Kurikulum al-Azhar	80
4.2	Profil pelajar Kurikulum al-Azhar	81
4.3	Tahap interaktif berdasarkan persepsi guru	82
4.4	Tahap interaktif berdasarkan persepsi pelajar	84
4.5	Strategi berpusatkan pelajar berdasarkan persepsi guru	86
4.6	Strategi berpusatkan pelajar berdasarkan persepsi pelajar	88
4.7	Strategi berusatkan guru berdasarkan persepsi guru	91
4.8	Strategi berusatkan guru berdasarkan persepsi pelajar	93
4.9	Tahap penilaian berdasarkan persepsi guru	95
4.10	Tahap penilaian berdasarkan persepsi pelajar	96

4.11	Tahap penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan persepsi guru	98
4.12	Tahap penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan persepsi pelajar	100
4.13	Aktiviti pengajaran secara keseluruhan berdasarkan persepsi guru	103
4.14	Aktiviti pengajaran secara keseluruhan berdasarkan persepsi pelajar	104
4.15	Tahap aktiviti kognitif (pengetahuan) berdasarkan persepsi guru	105
4.16	Tahap aktiviti kognitif (pengetahuan) berdasarkan persepsi pelajar	106
4.17	Tahap aktiviti kognitif (kefahaman) berdasarkan persepsi guru	108
4.18	Tahap aktiviti kognitif (kefahaman) berdasarkan persepsi pelajar	110
4.19	Tahap aktiviti kognitif (aplikasi) berdasarkan persepsi guru	112
4.20	Tahap aktiviti kognitif (aplikasi) berdasarkan persepsi pelajar	114
4.21	Tahap aktiviti kognitif secara keseluruhan berdasarkan persepsi guru	116
4.22	Tahap aktiviti kognitif secara keseluruhan berdasarkan persepsi pelajar	117
4.23	Kemahiran mendengar yang digunakan berdasarkan persepsi guru	118
4.24	Kemahiran mendengar yang digunakan berdasarkan persepsi pelajar	120
4.25	Kemahiran membaca yang digunakan berdasarkan persepsi guru	122
4.26	Kemahiran membaca yang digunakan berdasarkan persepsi pelajar	124

4.27	Kemahiran bertutur yang digunakan berdasarkan persepsi guru	126
4.28	Kemahiran bertutur yang digunakan berdasarkan persepsi pelajar	128
4.29	Kemahiran menulis yang digunakan berdasarkan persepsi guru	130
4.30	Kemahiran menulis yang digunakan berdasarkan persepsi pelajar	132
4.31	Aktiviti kemahiran bahasa secara keseluruhan berdasarkan persepsi guru	134
4.32	Aktiviti kemahiran bahasa secara keseluruhan berdasarkan persepsi pelajar	135
4.33	Amalan pengajaran secara keseluruhan bersarkan persepsi guru	136
4.34	Amalan pengajaran secara keseluruhan bersarkan persepsi pelajar	136
4.35	Tahap penguasaan pelajar dari sudut pengetahuan	137
4.36	Tahap penguasaan pelajar dari sudut kefahaman	140
4.37	Tahap penguasaan pelajar dari sudut aplikasi	143
4.38	Tahap penguasaan kandungan secara keseluruhan	146
4.39	Tahap penguasaan kemahiran mendengar	147
4.40	Tahap penguasaan kemahiran membaca	150
4.41	Tahap penguasaan kemahiran bertutur	152
4.42	Tahap penguasaan kemahiran menulis	154
4.43	Tahap penguasaan kemahiran mendengar secara keseluruhan	156
4.44	Perbezaan amalan pengajaran berdasarkan jantina	157
4.45	Perbezaan amalan pengajaran berdasarkan akademik tertinggi	158

4.46	Perbezaan amalan pengajaran berdasarkan kelulusan ikhtisas	159
4.47	Perbezaan amalan pengajaran berdasarkan pengalaman mengajar	160
4.48	Perbezaan amalan pengajaran berdasarkan pengalaman mengajar Menggunakan post Hoc Schffe	161
4.49	Hubungan antara amalan pengajaran guru dengan tahap penguasaan Pelajar dalam konteks kandungan	162
4.50	Hubungan antara amalan pengajaran guru dengan tahap penguasaa Pelajar dalam konteks bahasa	163

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka kerja CLIL 4Cs	18
1.2	Kerangka konseptual amalan pengajaran guru	20
2.1	Prinsip model CLIL	38
2.2	Aras kognitif taksanomi bloom (1956)	43

**SENARAI SINGKATAN**
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

BBM	Bahan Bantu Mengajar
CBA	<i>Content Based Intruction</i>
CLIL	<i>Content Language Integrated Learning</i>
LAC	<i>Langguage Across Curriculum</i>
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang diiktiraf oleh Islam sebagai bahasa yang sangat mulia. Kemuliaan bahasa tersebut dapat dibuktikan melalui ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW.

نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ۝ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ۝ بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ ۝

Terjemahan: ia dibawa turun oleh malaikat Jibril Yang amanah. Ke dalam hati mu, supaya Engkau (Wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia). (ia diturunkan) Dengan bahasa Arab Yang fasih serta terang nyata.

Surah asy-Syu'araa (26):193-195

Rasulullah SAW juga pernah meriwayatkan hadis yang bermaksud:

Sayangilah bangsa Arab kerana tiga sebab: kerana aku orang Arab, al-Quran diturunkan dalam Bahasa Arab dan percakapan ahli syurga juga dalam Bahasa Arab.

(at-Tabrani, al-Baihaqi dan al-Hakim)

Selain daripada itu, Bahasa Arab juga mempunyai hubungan yang erat dan merupakan sebahagian daripada agama Islam. Mat Taib Pa (2005) menyimpulkan bahawa terdapat 6 komponen Bahasa Arab di dalam agama Islam iaitu Bahasa Arab sebagai Bahasa al-Quran dan Hadis, Bahasa Arab sebagai bahasa kitab-kitab agama Islam, Bahasa Arab sebagai bahasa ibadat, Bahasa Arab sebagai bahasa akidah, Bahasa Arab sebagai bahasa ijihad dan mujtahid serta Bahasa Arab sebagai bahasa umat Islam.

Hubungan tersebut menjadikan Bahasa Arab sangat penting untuk dipelajari oleh semua pihak khususnya bagi mereka yang mendalami ilmu pengajian Islam. Firman Allah dalam Surah Yusuf ayat 2:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai al-Quran Yang dibaca Dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

Surah Yusuf (12): 2



Begitu juga dengan ayat al-Quran surah an-Nahl ayat 103:

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ لِّسَانِ الْيَدِي يَدْحِدُونَ إِلَيْهِ اعْجَبِي
وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُّبِينٌ ١٠٣

Terjemahan: Dan demi Sesungguhnya Kami Mengetahui, Bahawa mereka yang musyrik itu berkata: "sebenarnya Dia diajar oleh seorang manusia". (pada hal) bahasa orang Yang mereka sandarkan tuduhan kepadanya itu ialah bahasa asing, sedang Al-Quran ini berbahasa Arab Yang fasih nyata.

Surah an-Nahl (16): 103

Menyedari tentang kepentingan tersebut, pelbagai pihak khususnya Kerajaan Malaysia dan juga kerajaan-kerajaan negeri telah berusaha untuk memartabatkan Bahasa Arab di dalam pendidikan. Terdapat juga beberapa universiti yang menjadikan Bahasa Arab sebagai pengantar dalam bidang pengajian Islam. Di samping itu, pelaksanaan sistem pengajian Islam dalam Bahasa Arab di peringkat sekolah menengah agama turut dilaksanakan. Sistem pengajian tersebut lebih dikenali sebagai Kurikulum al-Azhar (Rabeh Abdullah, 2000).

Dalam hal ini, Ibn Taimiah dan Imam Syafie juga berpendapat bahawa mempelajari Bahasa Arab adalah wajib dan ia sangat dituntut kepada seluruh umat manusia. Ini kerana al-Quran diturunkan kepada umat manusia di dalam Bahasa Arab dan ia tidak dapat difahami melainkan dengan cara mempelajari Bahasa Arab (Mat Taib Pa, 2005). Perkara tersebut membuktikan Bahasa Arab memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha untuk mendalami bidang pengajian Islam.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbpsu

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada awal kurun pertama Hijrah, Islam mula bertapak di alam Melayu melalui pedagang Arab (Ahmad Jelani Halimi, 1996). Kemasukan Islam ke rantau ini telah menyemarakkan budaya ilmiah seterusnya menghakis banyak kepercayaan yang bersifat tahyul dan khurafat yang melalaikan masyarakat (Abdullah Muhammad et. al, 2007).

Pada ketika itu, Bahasa Arab telah mengiringi pengajian Islam yang dilaksanakan di rantau ini. Pelajar-pelajar kebiasaannya akan mendalami Bahasa Arab terlebih dahulu sebelum memahami ilmu-ilmu Islam dan juga kitab-kitabnya. Islam mula berkembang di Alam Melayu sekitar kurun ke-14 dan seterusnya pengajaran Islam mula bertapak di istana-istana (Ismail Hamid, 1991).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbpsu

Menurut Rosni Samah (2012), pengajian Islam terus berkembang dan institusi-institusi seperti pondok mula dibentuk untuk menampung pelajar-pelajar. Kemunculan pusat ini sejak awal menekankan pelajar-pelajarnya untuk mendalami bahasa Arab. Ini kerana bahasa Arab merupakan prasyarat bagi mempelajari ilmu-ilmu Islam pada waktu itu. Kebanyakan buku-buku rujukan juga adalah berbahasa Arab. Abdullah Muhammad et. al (2007) pula menyatakan buku-buku yang digunakan dalam pengajian tersebut merupakan buku-buku berautoriti tinggi daripada Universiti al-Azhar dan institusi-institusi lain.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbpsu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Hasil daripada sistem pendidikan berbentuk pondok ini, maka lahirlah tokoh sarjana yang mampu memahami kitab-kitab Islam dan melanjutkan pengajian di negara-negara Arab (Rosni Samah, 2012). Kepesatan dalam pengajian Islam telah menyebabkan berlakunya kemunculan pusat-pusat pengajian bercorak madrasah atau persekolahan pada awal kurun ke-20. Sebagai contoh madrasah yang dibina oleh Haji Saleh Masri iaitu Madrasah al-Masriyyah, Seberang Prai dan Madrasah yang dibina oleh Syeikh Muhammad Abduh pada tahun 1907 iaitu Madrasah al-Iqbal (Talib Samad, 1992).

Sistem persekolahan ini berkembang seiring dengan sistem pondok dan perbezaannya hanya boleh dilihat melalui sukatan, masa belajar dan umur sahaja. Dalam sistem yang dilaksanakan di sekolah, subjek Bahasa Arab menjadi sebahagian daripada mata pelajaran yang perlu diikuti di dalam kelas. Mata pelajaran tersebut ialah kemahiran Bahasa Arab dan Sastera Arab. Selepas kemerdekaan, pertumbuhan sekolah atau madrasah menjadi semakin pesat (Rosni Samah, 2012).

Menjelang abad ke-20, hampir kesemua pusat pengajian pondok menerima perubahan kepada sistem madrasah dan hanya sebilangan kecil sahaja yang kekal mengamalkan tradisi pondok. Sekolah agama kemudiannya didaftarkan di bawah majlis agama Islam negeri masing-masing dan sukatan pelajaran diselaraskan mengikut majlis agama masing-masing. Badan-badan tersebut juga turut memberi sumbangan dan sokongan yang sepatutnya bagi mempertingkatkan mutu pengajaran (Rosni Samah, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Sistem persekolahan menjadi semakin menyerlah dengan pengiktirafan Universiti al-Azhar terhadap sukatan pelajarannya dan juga sijil thanawi yang dikeluarkannya. Dari segi sukatan, hampir kesemua sekolah Arab pada waktu itu menggunakan sukatan kurikulum daripada al-Azhar. Buku-buku teks juga dibawa masuk daripada Mesir (Rosni Samah, 2012). Antara sekolah-sekolah terawal yang menerima pengiktirafan universiti tersebut adalah Maahad Muhammadi Kelantan, Madrasah Ahmadiyah Kelantan dan Maktab Mahmud Alor Star (Abdullah Muhammad et. al, 2007).

Pelajar-pelajar yang memperoleh sijil thanawi pada ketika itu berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti al-Azhar dalam pelbagai bidang samaada Syariah, Usuluddin, Pendidikan Islam mahupun Bahasa Arab. Pada ketika itu, sijil thanawi merupakan tiket kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke timur tengah khususnya Universiti al-Azhar, Mesir. Kemampuan pelajar-pelajar lepasan sijil thanawi menyambung pengajian mereka ke timur adalah bukti sekolah-sekolah agama memainkan peranan yang sangat besar dalam membantu perkembangan pendidikan Islam di Malaysia (Rosni Samah, 2012).

Hal ini juga dapat dilihat setelah kembalinya graduan dari timur tengah. Mereka pulang dengan memikul satu amanah yang besar iaitu meneruskan agenda pendidikan Islam di sekolah-sekolah. Sebahagian besar daripada graduan yang berjaya menamatkan pengajian di timur tengah telah menjadi tenaga pengajar di sekolah-sekolah yang menggunakan kurikulum daripada al-Azhar (Rosni Samah, 2012). Menurut Abdullah Muhammad et. al (2007), pendekatan pengajaran yang dibawa oleh mereka adalah lebih baik jika dibandingkan dengan sistem pondok yang

pernah mereka lalui sebelum ini. Mereka telah berusaha memperbaiki dan memperkenalkan sistem pengajian Islam secara lebih teratur. Dari segi penguasaan Bahasa Arab pula, Rosni Samah (2012) menyatakan bahawa mereka mempunyai kelebihan jika dibandingkan dengan guru-guru mereka sebelum ini.

Melihat kepada perkembangan kurikulum al-Azhar yang sangat positif, Kementerian Pelajaran Malaysia telah merangka satu usaha untuk memperkembangkan lagi kurikulum tersebut. Menurut Rosni Samah (2012), Mereka telah mengadakan rundingan dengan pihak Universiti al-Azhar bagi mewujudkan satu sijil sahaja yang diiktiraf oleh pihak Universiti al-Azhar. Segala sukatan dan urusan pembelajaran akan diuruskan pihak kementerian termasuklah peperiksaan. Sijil tersebut diberi nama Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan dikelola oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sepenuhnya.

1.3 Penyataan Masalah

Perubahan dalam kurikulum serta penggunaan kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran sentiasa berlaku di dalam pendidikan. Ia bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan, meningkatkan kefahaman dan prestasi pelajar di dalam pembelajaran (Sufean Hussin, 2002).

Menurut Azizah Abd Rahman (1982) pula, perubahan dan pembaharuan kurikulum bukan suatu perkara yang asing. Ia seringkali dibincangkan oleh para pendidik di seluruh dunia. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perubahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi
 sesuatu kurikulum antaranya adalah perkembangan sistem pendidikan sesebuah negara. Justeru, kurikulum harus diperbaharui dan diubah seiring dengan perkembangan dan kemajuan sistem pendidikan sesebuah negara. Hal ini disebabkan oleh peranan kurikulum yang menjadi medium untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan yang dihasratkan.

Dalam konteks Kurikulum al-Azhar, Rabeh Abdullah (2000) menyatakan bahawa mana-mana sekolah di seluruh dunia yang ingin mendapatkan pengiktirafan daripada Universiti al-Azhar harus menerima sukatan yang diambil sepenuhnya dari al-Azhar. Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan, Malaysia melalui Kementerian Pendidikan telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Universiti al-Azhar untuk mewujudkan satu sijil yang diiktiraf oleh kedua-dua pihak. Kurikulum ini telah diselaraskan di sekolah-sekolah agama negeri dan sekolah agama swasta di bawah satu sijil yang dinamakan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Pelaksanaan kurikulum al-Azhar sedikit sebanyak memberi cabaran kepada guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat (Rabeh Abdullah, 2000). Kajian terhadap 40 orang guru Yayasan Islam Kelantan mendapati 55% daripada mereka tidak memahami sepenuhnya kurikulum yang diajar. Hal ini kerana, mereka yang diberi amanah untuk mengajar mata pelajaran kurikulum al-Azhar tidak didedahkan dengan sukatan tersebut. Perkara tersebut secara tidak langsung menimbulkan kesukaran kepada mereka untuk memahami isi kandungan sukatan dan buku teks yang digunakan di sekolah (Mansor Daud & Kamarudin Kamel, 2003).

Selain daripada itu, terdapat sesetengah pihak yang beranggapan bahawa guru-guru yang mengajar di Sekolah Menengah Agama Negeri, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Sekolah Menengah Agama Swasta tidak terlatih. Hal ini kerana sebahagian besar daripada kalangan mereka tidak mendapat latihan yang berterusan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (Ab. Halim Tamuri, 2010). Zainora Daud et. al. (2012) pula mendapati pengetahuan pedagogi yang dimiliki oleh guru khususnya berhubung dengan cara penyampaian mereka dalam kurikulum al-Azhar berada pada tahap yang lemah.

Sumber kewangan yang kurang mencukupi juga merupakan salah satu faktor Sekolah Menengah Agama Negeri dan juga Sekolah Menengah Agama Rakyat tidak dapat menyediakan latihan yang berterusan kepada guru-guru mereka. Latihan tersebut merangkumi aspek kursus perguruan, seminar, bengkel dan sebagainya.

Ekoran daripada permasalahan tersebut, guru-guru terpaksa melaksanakan amalan pengajaran berdasarkan pengalaman mereka sebelum ini (Mansor Daud & Kamarudin Kamel, 2003).

Menurut Ab. Halim Tamuri (2010), beliau tidak menafikan pencapaian Sekolah Menengah Agama Negeri dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) berada pada tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang di dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) sudah pasti akan bertambah sekiranya mereka dididik oleh guru yang berkualiti dan terlatih. Justeru, faktor latihan guru sememangnya memberi kesan yang besar terhadap pencapaian pelajar.

Dalam konteks pengajaran pula, Rosni Samah (2012) mendapati Kurikulum al-Azhar di sekolah-sekolah agama banyak terpengaruh dengan pengajaran bersistem pondok iaitu pembelajaran berpusatkan guru. Kaedah ini kebiasaannya digunakan pada awal sesi pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran sehingga tamat. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah ini, guru menjadi watak yang paling penting manakala pelajar-pelajar tidak diberi peluang untuk menonjolkan diri mereka. Hal ini menyebabkan pelajar menjadi pasif dan sekadar mendengar apa yang diterangkan oleh guru.

Dari sudut kaedah pengajaran pula, kaedah terjemahan merupakan kaedah yang sangat popular. Kajian Razali Mustaffar (2003) mendapati penggunaan kaedah tersebut masih meluas dan berada pada tahap yang tinggi. Rosni Samah (2009) juga mendapati pengajaran di sekolah agama lebih tertumpu kepada kaedah terjemahan

kerana subjek yang diajar dalam Bahasa Arab. Justeru, guru-guru mengambil jalan mudah untuk memberi kefahaman kepada pelajar dengan menterjemah satu-persatu. Menurut Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman (1999), kaedah tersebut boleh membantutkan kefahaman makna dalam sesuatu kandungan pelajaran.

Penggunaan kaedah terjemahan pada dasarnya sangat penting untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah tersebut secara berleluasa telah menyebabkan tahap penguasaan pelajar berada pada tahap yang rendah (Razali Mustaffar, 2003). Robert Lado (1988) menyatakan bahawa kelemahan kaedah terjemahan berpunca daripada latihan menterjemah yang diamalkan di dalam bilik darjah telah disalah ertikan apabila ia menganggap sama seperti kefahaman, bertutur, membaca dan menulis.